

28/10/2003

Cara kita urus negara terbukti berjaya

CARA Malaysia mengurus negara dan menyelesaikan masalah adalah proses yang diwarisi sejak dulu. Sejak zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein, Allahyarham Tun Hussein Onn hinggalah kepada pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak banyak perbezaan dari segi pengurusan negara yang membabitkan pendekatan dan dasar. Apa yang sedia wujud dalam pentadbiran lalu diperkembangkan, manakala sesuatu yang baru diwujudkan bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa. Sebagaimana dijelaskan oleh Dr Mahathir kelmarin, ini adalah "cara kita" membangunkan negara.

Sebenarnya, pentadbiran negara membabitkan satu proses sosialisasi yang mana seseorang pemimpin yang mengambil alih tampuk pentadbiran akan mewarisi cara kepemimpinan pemimpin terdahulu, terutama jika beliau sendiri terbabit dalam sebahagian besar perbincangan dan penggubalan dasar. Cara mengurus dan mentadbir negara oleh pemimpin tidak jauh berbeza, kecuali dari segi stail dan perawakan. Ini kerana sejak dulu lagi, sistem pentadbiran negara adalah sama. Apatah lagi cara yang digunakan terbukti berjaya membangunkan negara dan memakmurkan kehidupan masyarakat. Sebagai sebuah negara yang dianggap masih baru mencapai kemerdekaan, Malaysia tidak boleh mengikut rentak negara-negara maju menyelesaikan masalah. Mereka memilih peperangan sedangkan kita mementingkan kedamaian.

Di Malaysia, kita kaya dengan budi bahasa dan tata susila serta menghormati antara satu dengan lain. Apa saja yang hendak dilaksanakan, perlu dilakukan dengan berhemah terutama jika ia membabitkan kebajikan masyarakat. Apa juga dasar yang hendak dirumus, perlu mengambil kira kepentingan rakyat terlebih dulu. Begitu juga dengan projek pembangunan yang dilakukan mengikut keutamaan yang memberi faedah kepada rakyat. Bila

menghadapi sebarang masalah politik, pemimpin negara menyelesaikannya dengan cara yang tidak melukakan hati mana-mana pihak.

Walaupun satu demi satu masalah yang timbul, segala-galanya dapat diselesaikan dengan baik dan memuaskan hati semua pihak. Sewaktu kemelesetan ekonomi berikutan manipulasi pedagang mata wang, kerajaan menggunakan pendekatan yang drastik dengan menambat ringgit pada RM3.80 bagi AS\$1 yang kini terbukti memberi kesan positif kepada negara.

Malaysia

tidak perlu meminjam atau mendapatkan bantuan daripada mana-mana pihak untuk mengatur semula ekonomi negara yang pada satu tahap begitu membimbangkan. Dengan melakukan "cara kita", Malaysia mempunyai model tersendiri untuk dijadikan acuan bagi menghadapi apa juga rintangan masa depan.